

## ANALISIS KONSEP *BAY' BITHAMAN AJIL* (BBA) DALAM METHOD PEMBAYARAN APLIKASI *SHOPEE PAY LATER* (SPL)

Muhamad Zuhaili bin Saiman<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam.

Emel : [mdzuhaili@uitm.edu.my](mailto:mdzuhaili@uitm.edu.my)

### Article info

Received:  
23/07/2023  
Received in revised form:  
25/08/2023  
Accepted:  
28/08/2023  
Available online:  
01/09/2023

### Keywords:

Bay' Bithaman Ajil (BBA);  
maqasid hifzul mal;  
patuh Syariah;  
riba;  
Shopee Pay Later (SPL)

### DOI:

[10.24191/JIPSF/v5n22023\\_1-11](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_1-11)

### Abstrak

*Shopee Pay Later* atau *SPayLater* (SPL) merupakan platform urusniaga dalam talian (*online*) yang menawarkan sistem pembayaran beli sekarang, bayar kemudian (*Buy Now, Pay Later* - BNPL). Bayaran pembelian boleh dibuat pada bulan berikutnya sekaligus atau melalui 'pelan bayaran ansuran' selama beberapa bulan, sama ada dua bulan, tiga bulan atau enam bulan. Masalah SPL sebelum ini ialah terdapat dua isu syariah yang timbul iaitu caj pemprosesan dan caj pembayaran lewat yang mempunyai unsur riba. Pada Julai 2022, Shopee Malaysia memaklumkan bahawa SPL sudah mendapat pengiktirafan pematuhan syariah dari Amanie Advisors berasaskan kepada *Bay' Bithaman Ajil* (BBA). Objektif kajian ini untuk menganalisis konseptual Bay' Bithaman Ajil (BBA) yang dilaksanakan dalam SPL untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadikannya status patuh syariah. Metodologi kajian yang digunakan ialah reka bentuk kualitatif. Data kajian diperolehi menerusi kajian literatur dan juga analisis kandungan dari sumber primer iaitu web rasmi Shopee dan juga sumber sekunder dari artikel dan jurnal yang berkaitan dengan isu yang dikaji. Kajian mendapati konseptual BBA yang dijalankan dalam SPL telah mengubah akad asal iaitu *al-qard* (hutang) kepada akad berkonsepkan pembiayaan. Selain itu, caj pemprosesan adalah berasaskan akad *ujrah* dan konsep caj lewat diubah kepada konsep penalti (*gharamah*) yang diharuskan di mana caj tersebut disalurkan kepada badan kebajikan bukannya sebagai orientasi tambahan keuntungan. Walaupun begitu, pengkaji berpendapat bahawa jumlah pembiayaan menerusi ansuran SPL perlu dinyatakan secara jelas jumlahnya, bukan sekadar pecahan mengikut tempoh ansuran supaya jelas berapa jumlah *ujrah* yang diambil. Ini lebih menepati kehendak salah satu dari *maqasid hifzul mal* (objektif memelihara harta) iaitu ketelusan.

---

## **ANALYSIS OF BAY' BITHAMAN AJIL (BBA) CONCEPT IN THE PAYMENT METHOD OF THE SHOPEE PAY LATER (SPL) APPLICATION**

### **Abstract**

*Shopee Pay Later or SPayLater (SPL) is an online transaction platform that offers a buy now, pay later payment system (Buy Now, Pay Later - BNPL). Purchase payments can be made the following month all at once or through an 'installment payment plan' over several months, either two months, three months or six months. The problem with SPL is that there are two Shariah issues that arise, namely processing charges and late payment charges that have an element of riba. In July 2022, Shopee Malaysia informed that SPL had received sharia compliance recognition from Amanie Advisors based on Bay' Bithaman Ajil (BBA). The objective of this study is to analyze the conceptual Bay' Bithaman Ajil (BBA) implemented in SPL to identify the factors that make it a Sharia-compliant status. The research methodology used is a qualitative design. Research data was obtained through literature review and also content analysis from primary sources which are Shopee's official website and also secondary sources from articles and journals related to the issue under study. The study found that the conceptual BBA carried out in SPL has changed the original contract which is al-qard (debt) to a contract with a financing concept. In addition, processing charges are based on akad ujah. The concept of late charges is changed to the concept of penalty (gharamah) which is required where the charge is channeled to charities instead of as an additional profit orientation. Even so, the researcher thinks that the amount of financing through SPL installments needs to be clearly stated, not just a breakdown according to the installment period so that it is clear how much money is taken. This is more in line with the wishes of one of the maqasid hizful mal (objectives of preserving property), which is transparency.*

*Keywords: Bay' Bithaman Ajil (BBA), maqasid hizful mal, Sharia-compliant, riba, Shopee Pay Later (SPL)*

### **PENGENALAN**

Dalam dunia e-dagang yang berkembang pesat, di mana pasaran dalam talian telah menjadi destinasi untuk pembeli dan penjual, kemajuan dan kepelbagaian telah menjadi tumpuan. Apabila transaksi secara digital dalam urusanniaga secara dalam talian (online) menjadi pilihan ramai atas faktor cepat, mudah dan menyenangkan, maka kaedah pembayaran juga mengalami perubahan ketara bagi memastikan platform sesuai urusanniaga terus menjadi pilihan dan relevan. Inovasi yang semakin popular ialah "Shopee Pay Later" (SPL) yang terdapat dalam urusanniaga kedai digital menerusi platform Shopee bagi membolehkan pelanggan membeli barangan dengan kaedah pembayaran ditangguhkan kemudian berdasarkan tempoh yang disediakan. Kaedah pembayaran menerusi SPL ini menjadi tarikan kerana memberikan kemudahan kepada pelanggan untuk membeli sekalipun tidak memiliki wang tunai semasa.

Shopee ialah tapak syarikat berasaskan web di internet yang menawarkan platform untuk pemilik perniagaan yang ingin menjalankan operasi perniagaan mereka secara digital. Pemilik perniagaan akan memasarkan dan mempromosikan item atau produk secara maya kepada pelanggan. Menerusi perniagaan digital ini, pelanggan akan melawati kedai-kedai digital yang ada bagi melihat produk yang dipromosikan menerusi skrin komputer, tablet atau telefon pintar. Berbeza dengan perniagaan secara fizikal, perniagaan secara digital hanya boleh melihat tanpa menyentuh item atau barangan yang diiklankan. Namun begitu, pelanggan boleh membuat tinjauan perbandingan antara kedai dan juga item yang ada dari pembekal yang berbeza serta mendapatkan informasi kepuasan pelanggan sebelum ini menerusi komen atau testimoni yang tersedia bagi membolehkan pelanggan berpuas hati terlebih dahulu sebelum membeli sesuatu item yang dicari.

Shopee hanya menyediakan tapak "pasar digital" yang menghubungkan antara pelanggan dengan pemilik perniagaan yang berdaftar dengan Shopee. Shopee hanya berfungsi sebagai orang tengah yang memperoleh upah berdasarkan caj yang dikenakan kepada pemilik perniagaan. Caj yang diambil oleh Shopee adalah berasaskan konsep *wakalah bi ujah* (khidmat wakil beserta upah). Berdasarkan kepada pengamalan yang dilakukan, Shopee akan memproses terlebih dahulu transaksi jual beli di kalangan

penjual dan pembeli sebelum ia boleh diteruskan. Menerusi perkhidmatan *wakalah bi ujarah* inilah Shopee menjana keuntungan berdasarkan persetujuan dengan vendor iaitu pemilik perniagaan yang mempromosikan barangan jualan di platform tersebut.

Terkini, menerusi tawaran kaedah pembayaran Shopee Pay Later (SPL) yang memberikan peluang pelanggan membeli dengan pembayaran lewat bagi tempoh tertentu, menjadikan Shopee sebagai pilihan lebih menarik bagi pembeli terutama yang tidak memiliki wang tunai semasa. SPL menawarkan penyelesaian pembayaran yang memberi kesan positif kepada e-dagang dan juga faedah kepada penjual dan pembeli dengan menyediakan pilihan pembayaran yang fleksibel yang mempunyai halangan kewangan iaitu tidak memiliki wang tunai semasa (Rifa'i & Agustim, 2022 & Nada Syifa' & Syahrul, 2023).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Shopee Pay Later, juga dikenali sebagai SpayLater (SPL), ialah pilihan pembayaran terkini Shopee. Ia sedikit berbeza daripada ShopeePay sebelum ini, yang membenarkan pelanggan atau pembeli membeli melalui platform Shopee secara tertunda atau hutang. Pelanggan yang memenuhi syarat layak mendapat pinjaman permulaan tanpa jumlah transaksi minimum dan mereka boleh membuat pembayaran balik dalam tempoh satu bulan, dua bulan, tiga bulan, enam bulan dan dalam tempoh 12 bulan berikutnya untuk pelanggan tertentu yang layak selepas mereka memenuhi keperluan dan syarat. Operasi yang berlaku ialah hutang jual beli antara pelanggan dengan Shopee kerana urusan yang berlaku dibayar terlebih dahulu oleh pihak Shopee kepada vendor.

Operasi kepada SPL ini ialah Shopee Malaysia melantik pihak ketiga, Seamoney Capital Malaysia Sdn Bhd, untuk menguruskan sistem pinjaman SPL. Shopee akan meminta Seamoney untuk menjelaskan bayaran kepada penjual yang menjalankan perniagaan di laman Shopee terlebih dahulu mengikut harga produk yang pelanggan telah beli setelah pesanan dihantar dengan selamat kepada mereka. Pelanggan akan diberikan beberapa pilihan jadual bayaran balik berdasarkan beberapa tempoh tertentu sama ada pelanggan membayar dengan sekali transaksi bagi tempoh sebulan sahaja atau pembayaran secara ansuran bagi tempoh dua bulan dan ke atas berdasarkan jadual bayaran yang ditetapkan. Dalam prosedur pembayaran secara ansuran ini, jelas sekali pembeli akan dilihat berhutang wang kepada Seamoney. Selain itu, pemilikan undang-undang produk yang telah diperoleh pelanggan tidak akan dipindahkan daripada vendor kepada pembeli.

SPL pada asasnya dilihat sebagai kemudahan yang membantu pelanggan dalam membeli barangan yang diinginkan secara bertanggung menerusi pelan bayaran ansuran menerusi sistem *Buy Now, Pay Later* (BNPL). Namun begitu, sebelum Julai 2022, SPL mendapat kritikan hebat dari pengkaji-pengkaji syariah apabila kajian-kajian yang dibuat mendapati terdapat isu-isu syariah yang membawa kepada isu ketidak patuhan syariah. Dua isu syariah utama tersebut melibatkan akad yang diguna pakai iaitu hutang atau pinjaman yang dikenakan bayaran tambahan berdasarkan tempoh ansuran yang mengandungi elemen riba kerana wujudnya tambahan ke atas hutang bertanggung dan juga caj denda kelewatan yang dikenakan jika pembayaran yang dibuat lebih dari tempoh masa yang dijadualkan (Rahayu, 2021 & Utami, 2021). Monica (2019) yang memetik Fatwa Dewan Syariah Nasional (DSN) Majelis Ulama Indonesia (MUI) Jawa Timur Nomor 04 tahun 2022 DSN-MUI, menggunakan akad *al-qard* atau hutang yang di dalamnya ada ketentuan bunga (tambahan ke atas caj hutang) dan hukumnya haram dan akadnya tidak sah, kerana termasuk dalam kategori riba. Isu syariah utama tersebut apabila melibatkan sistem pembayaran pada SPL iaitu BNPL dalam transaksinya menetapkan kadar bunga sebanyak 2,59 % dan denda caj lewat sebanyak 5 % dari total bil transaksi yang mana keduanya jelas mengandungi unsur riba sama ada riba *al-fadhl* dan riba *al-nasiah* (Nada Syifa' & Syahrul Amsari, 2023).

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan menerusi artikel Irsyad Fatwa siri ke-638 turut menegaskan mengenai dua isu Syariah yang timbul berikut iaitu caj pemprosesan dan caj pembayaran lewat kerana kedua-duanya mempunyai unsur riba. Manakala untuk kaedah pembayaran sekali sahaja dalam tempoh

sebulan, tiada isu Syariah kerana tiada unsur riba dan boleh digunakan. Namun, sekiranya pelanggan lambat membayar dan dikenakan caj tambahan, maka berlakulah riba' *al-Qard*. Ditegaskan bahawa umat Islam dilarang melakukan sebarang transaksi yang berunsur riba' kerana riba' adalah haram dan berdosa besar (Abd Hakim, 2021).

Setelah banyak kritikan isu syariah pelbagai pengkaji dalam negara Malaysia malah juga dari Indonesia, pada Julai 2022, Shopee Malaysia (2022a) memaklumkan bahawa SPL sudah mendapat pengiktirafan pematuhan syariah. Transaksi menerusi method pembayaran dalam SPL adalah tertakluk kepada Bay' Bithaman Ajil (BBA) dan bukannya berasaskan *al-qard* (hutang) di antara pembeli dan penjual. Mengikut syarat perkhidmatan SPayLater (Shopee Malaysia, 2022b), setiap perniagaan yang beroperasi di platform Shopee mesti bergabung dan menandatangani perjanjian dengan SeaMoney Capital Malaysia Sdn Bhd. Penjual mesti bersetuju bahawa SeaMoney akan membayar untuk produk yang dipesan oleh pembeli terlebih dahulu dan oleh itu SeaMoney akan menanggung hutang pembeli di bawah transaksi pembelian hutang. Tertakluk kepada terma yang dikeluarkan oleh Shopee, pembeli boleh membuat pembayaran balik di bawah aturan pembelian hutang secara tertunda dan ansuran mengikut terma dan syarat. Manakala caj pemproses pula adalah menggunakan konsep *ujrah* dan konsep caj lewat ditukar kepada konsep penalti (*gharamah*) yang diharuskan di mana caj tersebut disalurkan kepada badan kebajikan bukannya sebagai orientasi tambahan keuntungan.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan analisis deskriptif. Objektif utama bagi kajian ini adalah untuk menganalisis konsep Bay' Bithaman Ajil (BBA) yang dilaksanakan dalam SPL untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadikannya status patuh syariah. Oleh itu, dalam mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif melalui reka bentuk penyelidikan yang biasanya menggunakan soalan seperti bagaimana, apa dan mengapa. Secara umumnya, penyelidikan kualitatif ialah cara melibatkan data bukan berangka koleksi seperti dalam bentuk teks, video, atau audio dalam memahami konsep, pendapat, atau pengalaman daripada responden. Penyelidikan kualitatif melibatkan penaakulan induktif untuk memahami situasi tertentu termasuk sejarah, latar belakang dan konseptual yang diguna pakai iaitu BBA. Data diperolehi melalui kajian kepustakaan seperti rujukan ke atas artikel jurnal, prosiding dan buku. Hasil dapatan yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif untuk menganalisis konsep Bay' Bithaman Ajil (BBA) yang dilaksanakan dalam SPL

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 1. Konsep Bay' Bithaman Ajil (BBA) dalam instrumen kewangan Islam di Malaysia

Bay' Bithaman Ajil (BBA) merujuk kepada transaksi penjualan dan pembelian aset berasaskan pembayaran tertanggung pada harga tertentu yang merangkumi margin keuntungan seperti yang telah dipersetujui oleh pihak yang berkontrak. Konsep BBA sebenarnya merupakan jualan secara bertanggung dengan bayaran secara ansuran mengikut masa yang telah tertera di dalam perjanjian yang mana penjual akan memberikan barang yang dikehendaki oleh pelanggan secara segera, manakala pembeli pula akan membayarnya secara ansuran dan ia dijalankan adalah berlandaskan kepada syariat Islam yang telah digariskan (Maznah & Nurul Ain, 2010). Dalam hal ini, asas kepada konseptual BBA ialah akad jual beli secara bertanggung dan bukannya *al-qard* iaitu hutang. Pembeli tidak boleh berhutang kepada penjual dan kemudian penjual mengenakan caj atas kadar hutang tersebut. Ini adalah situasi hutang yang mempunyai unsur riba kerana wujud pertambahan ke atas hutang. Dalam perspektif kewangan Islam, apa-apa tambahan atau manfaat ke atas akad hutang dikira sebagai riba. Hadith Nabi SAW :


كل قرض جر منفعة فهو ربا

Maksudnya: Setiap hutang yang mendatangkan keuntungan (kepada pemiutang) maka ia adalah riba (Riwayat al-Haris dalam Musnad al-Haris, 437)

BBA banyak dilaksanakan dalam produk perbankan Islam yang melibatkan pembiayaan perumahan sebagai alternatif bagi pelanggan untuk mengelakkan diri dari pinjaman konvensional yang mempunyai unsur riba. Pengamalan oleh perbankan Islam di Malaysia khususnya, BBA ini digunapakai antaranya urusniaga yang melibatkan pembiayaan pemilikan harta atau aset kepada pelanggan seperti rumah, kenderaan, tanah dan sebagainya. Dalam urusniaga ini pembiaya (Bank Islam) akan membeli sesuatu barangan tertentu yang dikehendaki oleh pelanggan dan menjual semula harta yang dibelinya itu kepada pelanggan berkenaan dengan harga pokok dan kadar keuntungan yang dipersetujui bersama. Bagaimanapun, pelanggan berkenaan akan membayarnya secara bertanggung mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan dibayar dengan jumlah tertentu secara beransur-ansur. BBA mestilah memenuhi rukun jual beli itu sendiri kerana ia adalah akad *bay'* hanya BBA memiliki kriteria yang tersendiri iaitu

- i. Berasaskan akad jual beli.
- ii. Harga jualan dengan margin keuntungan penuh yang dipersetujui kedua-dua yang berakad.
- iii. Tempoh yang jelas dan dipersetujui kedua-dua pihak yang berakad.

Dalam konteks pembiayaan menerusi BBA ini, ia mestiah melibatkan tiga pihak secara minima bagi membolehkan akad pembiayaan ini tidak menyerupai akad Bay' Inah yang hanya melibatkan dua pihak sahaja sehingga menjadi kontroversi kerana majoriti fuqaha mengharamkan Bay' Inah disebabkan ia menjadi helah atau pintu belakang kepada riba. Sehubungan itu, tiga pihak yang terlibat secara minima dalam BBA secara operasi pengamalan adalah seperti berikut :



Rajah 1. Pengamalan asas kepada konseptual BBA

## 2. Margin Keuntungan Ke Atas Produk Yang Melibatkan Bay' Bithaman Ajil (BBA)

Pengamalan BBA sama ada dalam perbankan Islam yang melibatkan aset seperti perumahan atau apa sahaja transaksi urusniaga dalam keadaan bertempoh, maka ia mestilah memenuhi rukun asas kepada akad jual beli itu sendiri kerana BBA adalah berasaskan akad jual beli. Maka dalam hal harga barangan

jualan atau produk mestilah jelas dan dimaklumi. Harga jualan bertanggung tidak sama dengan harga tunai pada konteks pasaran kebiasaannya. Peningkatan harga bagi produk bertanggung dari jualan tunai adalah antara faktornya kerana nilai masa wang (*time value of money*) terutama yang melibatkan tempoh yang panjang seperti perumahan. Dalam hal sebegini, keempat-empat mazhab mengharuskannya kerana dalam urusan jual beli dibenarkan mengambil keuntungan, asalnya harga tersebut mestilah jelas dan dimaklumi, serta bukannya dua atau lebih harga yang terbabit dalam satu akad tanpa ditentukan. Asas kebimbangan wujud dua harga atau lebih dalam satu akad ini adalah kerana larangan Nabi Muhammad SAW iaitu :

هَي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ سَلْفٍ وَبَيْعٍ وَعَنْ بَيْعَتَيْنِ فِي بَيْعَةٍ وَعَنْ بَيْعٍ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ وَعَنْ رِبْحٍ مَأْمُومٍ يُضْمَنُ

Maksudnya: Rasulullah melarang (gabungan) hutang dengan pinjaman jual beli, dan dua transaksi jualbeli dalam satu jual beli, dan jualbeli sesuatu yang tidak dimiliki, dan keuntungan yang tidak ditanggung risikonya.

(Ahmad bin Hanbal. *al-Musnad*. 1999. Beyrut : Mu'assasah al-Risalah. Jil. 11. Hlm. 516. No hadith 6918.)

Mengenai keharusan pertambahan harga bagi sesuatu produk yang dijual bertanggung menerusi konteks nilai masa wang ialah pandangan dari keempat-empat mazhab seperti berikut:

- i. Mazhab Hanafi : kadar harga mungkin akan meningkat disebabkan oleh pembayaran yang tertangguh (al-Kasani, 1986).
- ii. Mazhab Maliki: penangguhan untuk sesuatu tempoh masa tertentu mempunyai nilai harga. (Ibn Rushd, 2004)
- iii. Mazhab al-Syafi'i : lima jenis barangan yang dibayar dalam bentuk wang tunai adalah sama dengan enam barangan yang dibayar pada masa tertunda (al-Ghazali, 1997).
- iv. Mazhab Hanbali : tempoh masa dalam urusan penjualan dan pembelian merupakan sebahagian dari harga dan ia dibenarkan untuk dimasukkan dalam kontrak urusan jualan dan pembelian (Ibn Qudamah, 1981).

Harga berasaskan konteks nilai masa wang sekarang tidak akan sama dengan nilainya pada masa hadapan. Nilai masa hadapan wang tadi mungkin bertambah jika ia dilaburkan dan memperolehi keuntungan. Ia juga mungkin berkurangan atas sebab tekanan inflasi atau risiko lain seperti penghutang tidak membayar balik wang yang dipinjam. Inilah ketetapan yang diberikan oleh Akademi Fiqh Islam (al-Rifa'i, 2010) dalam persidangannya di Jeddah ketika membincangkan kontrak *bay' al-taqsit* dengan menyebutkan : "Harus tambah pada harga tangguh berbanding harga tunai."

Walaupun begitu, kenaikan nilai jualan bertanggung ini hanya melibatkan jualan bukannya kontrak pinjaman atau hutang. Kenaikan nilai dalam pinjaman atau hutang adalah dilarang kerana berlakunya unsur riba. Perkara ini ditegaskan lagi oleh MPS (Majlis Penasihat Syariah), Bank Negara Malaysia (2010) pada mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007 telah memutuskan bahawa penerapan prinsip nilai masa wang dalam pelaporan kewangan Islam dibenarkan khusus untuk kontrak pertukaran yang melibatkan pembayaran secara bertanggung. Namun demikian, ia dilarang sama sekali dalam urusan pinjaman (*qard*). Ini kerana prinsip asas kepada pinjaman adalah kebajikan kerana asas akad ialah sukarela (*tabarru'*) bukan berteraskan keuntungan sebagaimana prinsip asas urusan jual beli.

Justeru, margin keuntungan menerusi konseptual BBA mestilah :

1. Berasaskan akad jual beli.
2. Diharuskan bertambah dengan pemakluman jumlah harga yang dimaklumi dan jelas.
3. Satu harga sahaja dipersetujui semasa akad dimeterai.

### 3. Konsep upah bagi caj perkhidmatan dan penalti (*gharamah*) dalam Bay' Bithaman Ajil (BBA)

Konsep upah (*ujrah*) menerusi perkhidmatan yang diberikan atau menerusi wakil beserta upah (*wakalah bi ujarah*) adalah diharuskan di dalam Islam. Cumanya kadar upah mestilah jelas dan dimaklumi kerana ia termasuk dalam jenis akad yang sama dengan akad jual beli iaitu akad *mu'awadhat* (pertukaran). Dalam hal ini, upah yang diberikan mestilah dimaklumi atas perkhidmatan apa yang dilakukan. Dalam Islam, setiap pekerjaan atau perkhidmatan selayaknya mendapat upah selagimana kerja atau perkhidmatan tersebut tidak bercanggah dengan Syarak. Disebabkan itu, antara hikmah yang disebutkan oleh al-Qaradawi (2015) mengapa dalam Islam tidak menetapkan sesuatu kadar keuntungan secara rigid kerana setiap urusan niaga adalah berbeza-beza kos lepas, modal dan termasuklah perkhidmatan yang diberikan bagi ditentukan kadar upah.

Dalam konteks upah bagi bayaran perkhidmatan menerusi caj yang dikenakan, piawaian Syariah AAOIFI, Pinjaman No.19 (Qard) & Fatwa Dar al-Iftha' Jordan No.3073,2015 menyatakan ia boleh diterima menerusi ketetapan berikut (Abas & Yahaya, 2023):

- i. Caj yang dikenakan mestilah bertepatan dengan kos sebenar.
- ii. Caj hendaklah berdasarkan kos langsung dan bukannya kos tidak langsung seperti pembayaran gaji pekerja dan sewa pejabat.
- iii. Caj tidak boleh dicaj sebagai peratusan daripada jumlah pinjaman. Sebaliknya, ia hendaklah mengikut kadar sebenar kos pengurusan yang terlibat tanpa sebarang penambahan.
- iv. Anggaran caj mungkin dikenakan jika sukar untuk meletakkan jumlah yang pasti sehingga selepas akaun ditutup pada akhir tahun. Jadi, jika jumlah sebenar sudah diketahui, setiap kelebihan hendaklah dikembalikan kepada penghutang mengikut medium yang telah dipersetujui bersama.

Justeru, jika wujud caj disebabkan pembayaran lewat yang dikenakan kepada pelanggan yang gagal membuat pembayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk kedua-dua kaedah pembayaran. Seperti caj pembayaran lewat dengan dikenakan caj tambahan sebanyak 1.5% daripada jumlah tertunggak pada setiap bulan. Maka caj ini dilihat mempunyai unsur riba yang jelas. Ini kerana setiap hutang yang termasuk bayaran tambahan akibat kelewatan pembayaran adalah termasuk dalam kategori riba' *al-qard*. Inilah antara sebab mengapa sebelum ini SPL menerusi kaedah pembayaran sebelum ini mendapat kritikan isu syariah. Caj lewat yang dikenakan pula menjadi orientasi pertambahan keuntungan dari jumlah amaun yang sedia ada. Sedangkan dalam isu kemungkiran di pihak pelanggan, konsep denda diharuskan bagi tujuan menampung kos kerugian dengan syarat kos tersebut adalah berdasarkan kos sebenar (*actual cost*) yang dikira sebagai pampasan atau ganti rugi (*ta'widh*). Manakala jika melibatkan kemungkiran kerana kelewatan tempoh, setelah mana diberikan amaran atau tiada jalan lain, konsep penalti adalah dibenarkan.

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) (2010), ketetapan caj oleh institusi kewangan Islam yang merangkumi kedua-dua konsep denda atau penalti (*gharamah*) dan pampasan atau ganti rugi (*ta'widh*) adalah dibenarkan, tertakluk kepada perkara berikut:

- i. Pampasan atau ganti rugi ke atas kerosakan (*ta'widh*) hanya boleh dikenakan selepas tamat berkontrak;
- ii. Institusi perbankan Islam boleh mengiktiraf ganti rugi (*ta'widh*) sebagai pendapatan atas dasar ianya dikenakan sebagai pampasan bagi kerugian sebenar (*actual loss*) yang dialami oleh institusi perbankan Islam, dan penalti (*gharamah*) tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan, sebaliknya perlu disalurkan kepada badan kebajikan tertentu.

Dalam kes pampasan atau ganti rugi berdasarkan kerugian sebenar (*actual loss*), adalah sama sahaja konsepnya sama ada dalam transaksi biasa atau yang diuruskan oleh mana-mana pihak atau institusi kewangan bank. Dalam hal ini majoriti sarjana kontemporari membenarkan bank mengenakan kos yang berkaitan dengan transaksi pembiayaan, dengan syarat ia mencerminkan kos sebenar yang ditanggung sahaja. Ini adalah pendapat yang dipegang oleh Majlis Akademi Fiqh, OIC, Jeddah dan ini juga merupakan intipati fatwa yang dikeluarkan oleh *Standing Council of Scholarly Research and Ifta'*, Saudi dan AAOIFI (Azman & Muhamad Nasir, 2016). Justeru, dalam isu penetapan bayaran pampasan atau ganti rugi yang tidak berdasarkan jumlah kerugian sebenar, ia menjadi polemik kerana seolah-olah menindas pelanggan. Kos lebih berbanding kos kerugian sebenar adalah manipulasi dari penjual ke atas pengguna. Sekiranya pampasan atau ganti rugi yang tidak berdasarkan kos sebenar bagi menampung kerugian atau kerosakan yang ditanggung, maka penetapan pampasan atau ganti rugi yang diamalkan oleh mana-mana institusi kewangan Islam akan terus menjadi polemik kerana dilihat sebagai bebanan ke atas pelanggan (Aishath, Nur Adibah, Ruqayyah, Siti Nadzirah & Zakariya, 2019).

#### 4. Aplikasi Bay' Bithaman Ajil (BBA) dalam method pembayaran di SPL terkini

Sistem Beli Sekarang Bayar Kemudian (*Buy Now Pay Later* - BNPL) yang berasaskan kepada BBA mestilah melibatkan tiga pihak secara minima dalam akad transaksi yang dijalankan. Ketiga-tiga pihak tersebut ialah pembeli, penjual dan pembiaya. Menurut Abas & Yahaya (2023), dalam SPL hakikatnya melibatkan lima peserta termasuklah Shopee itu sendiri sebagai platform yang menyediakan tapak urusniaga secara digital ini. Selain dari pembeli, vendor, pembiaya iaitu SeaMoney dan Shopee, pihak kurier juga termasuk sebagai peserta dalam platform SPL yang berlakunya pasaran digital bagi satu-satu transaksi.

Vendor juga dianggap sebagai pengguna di pasaran Shopee, sebagai tambahan kepada pembeli. Shopee dengan itu menjamin keselamatan kedua-dua pengguna. Ini dicerminkan dalam polisi syarikatnya, Shopee Guarantee, yang menyatakan bahawa semasa tempoh sah jaminan, Shopee akan menahan bayaran pembeli kepada penjual, sehinggalah barangan atau produk telah diterima oleh pengguna dan tiada isu berbangkit untuk bayaran balik (*refund*) disebabkan kerosakan yang berpunca dari vendor atau penjual. Operasi pengamalan ialah pesanan yang dibuat oleh pelanggan akan dihantar oleh kurier, yang merupakan wakil atau orang tengah yang dipilih oleh Shopee. Seperti yang dinyatakan sebelum ini dalam justifikasi kaedah pembayaran COD, ini menandakan kontrak *wakalah bi ujah*. Hanya saat pembayaran pembeli membentuk jurang perbezaan yang menyertainya. Pelanggan akan membayar kurier serta-merta semasa menggunakan COD, tetapi menggunakan SPayLater, pembeli tidak akan memberikan wang kepada wakil kerana mereka sudah berhutang dengan pihak lain di platform Shopee. Tidak kira cara pembayaran yang dipilih oleh pengguna, kurier tetap akan bertindak sebagai ejen penjual semasa menghantar produk kepada pelanggan (Abas & Yahaya, 2023).

Namun berdasarkan kepada Shopee Malaysia (2023) di dalam penerangan berkaitan "SPayLater Term of Service" hanya menyenaraikan tiga pihak sahaja peserta iaitu :

- i. Pengguna iaitu pembeli.
- ii. SeaMoney selaku pembiaya dan pihak tengah yang mengikat perjanjian bersama pengguna dan vendor iaitu penjual.
- iii. Vendor atau penjual yang disebutkan sebagai "*Third Party Provider*".

Mengikut syarat perkhidmatan SPayLater (Shopee Malaysia, 2022b), setiap perniagaan yang beroperasi di platform Shopee mesti bergabung dan menandatangani perjanjian dengan SeaMoney Capital Malaysia Sdn Bhd. Penjual mesti bersetuju bahawa SeaMoney akan membayar untuk produk yang dipesan oleh pembeli terlebih dahulu dan oleh itu SeaMoney akan menanggung hutang pembeli di bawah transaksi pembelian hutang. Tertakluk kepada terma yang dikeluarkan oleh Shopee, pembeli boleh membuat pembayaran balik di bawah aturan pembelian hutang secara tertunda dan ansuran mengikut terma. Secara asasnya kepada tiga pihak yang disebutkan ini urusniaga antara pembeli dengan



vendor sebagai pihak ketiga adalah berlaku secara tunai iaitu dibayar oleh SeaMoney. Manakala pembayaran lewat beserta caj pemprosesan itu melibatkan antara pembeli dengan SeaMoney sahaja. Caj pemprosesan yang dikenakan ialah sebanyak 1.5% bagi pembayaran penuh sebulan selepas transaksi dilakukan dan 1.5% bagi setiap bulan mengikut pelan pembayaran yang diambil sama ada 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan atau 12 bulan. Manakala bagi caj lewat yang sebelum SPL mendapat sijil patuh syariah, dikenakan sebanyak 1.5% atas kelewatan dalam bayaran, telah diubah kepada konsep penalti di mana akaun SPL akan dibekukan bagi kes kelewatan membayar dan untuk urusan aktifkan kembali dikenakan penalti sebanyak RM10. Ia dikenakan atas maksud caj urusan dan kadar yang berlebihan dari apa yang ditanggung oleh SeaMoney akan disalurkan ke badan-badan kebajikan yang diluluskan oleh Penasihat Syariah (Shopee Malaysia, 2022b).

Payment plan	Processing Fees	Late Fees
Buy Now Pay Later (Pay on the following month)	1.5% per month on total payment/order amount starting from 17 October 2022	Your SPayLater account will be temporarily frozen until the outstanding amount has been paid. To reactivate the account, users will be charged a late fee of RM10.
2-month instalment	1.5% per month on total payment/order amount	
3-month instalment		
6-month instalment		
12-month instalment		

Rajah 2. Caj Pemprosesan dan Caj Lewat yang terkini selepas mendapat sijil pematuhan syariah daripada Amanie Advisor

Merujuk kepada Rajah 2 di atas, berlaku perubahan dari sudut caj pemprosesan di mana pada bulan seterusnya tidak dikenakan caj iaitu 10% dan bagi ansuran 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan dan 12 bulan sebelum ini ialah sebanyak 1.25%. Walaupun dinyatakan dalam terma perkhidmatan bagi polisi SPL bahawa caj pemproses adalah merujuk kepada caj perkhidmatan dan mengambil konsep ujrah, namun sewajarnya pihak Shopee dalam menjelaskan dengan lebih telus agar dimaklumi perkhidmatan yang dikenakan caj serta mengapa wujud pertambahan dari sudut peratusan caj. Maklumat secara umum sebegini masih tidak mencerminkan ketelusan (*transparent*) yang merupakan salah satu dari lima *maqasid al-syariah fi hifz al-mal* (objektif memelihara harta) (Ibn Ashur, 2011).

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis konseptual BBA dalam method pembayaran SPL terkini, jelas terdapat kriteria bagi konseptual BBA yang dilaksanakan menerusi akad jual beli, wujud pihak pembiaya selain dari pihak penjual dan pembeli serta tempoh yang jelas ditentukan. Selain itu, caj lewat yang ditukar kaedah kepada konsep penalti adalah diharuskan sebagaimana yang dibincangkan kerana ia bertujuan menampung kerugian yang ditanggung oleh pihak pembiaya iaitu SeaMoney dan lebihan yang terdapat jika ada akan disalurkan kepada badan-badan kebajikan.

Cadangan dari pengkaji yang melibatkan isu ketelusan (*transparent*) yang merupakan salah satu elemen dalam *maqasid al-syariah* pada *hifz al-mal*. Shopee wajar menyatakan jenis perkhidmatan yang bersesuaian dengan kadar caj yang diambil iaitu sebanyak 1.5% yang bertambah dari sebelum ini iaitu

hanya 1.25% sahaja. Walaupun difahami ia adalah berasaskan kepada konsep upah iaitu *ujah* pada perkhidmatan namun kriteria bagi sesuatu ujrah mestilah jelas dan dimaklumi. Begitu juga pada pilihan ansuran sama ada 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan atau 12 bulan, sewajarnya pilihan harga dinyatakan jumlah besar bukan sekadar RMxxx X 3 bulan tanpa ada jumlah amaun. Ini kerana setiap jumlah amaun bagi setiap tempoh berbeza adalah berlainan jika dikira. Maka untuk lebih telus, wajar dinyatakan terus jumlah amaun bagi setiap pelan pembayaran ansuran yang diberikan pilihan.

### PERTEMBUNGAN KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada pertembungan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

### SUMBANGAN PENULIS

Penulis mengumpulkan bahan literatur seterusnya merangka draf penulisan artikel bagi melengkapkan kerangka kajian dan menganalisis data-data kajian yang dilakukan.

### PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan khas kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam dalam memberikan sokongan teknikal bagi menyiapkan artikel ini.

### RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

- Abd Hakim Abd Rasid. (2021). Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-638: Isu Syariah Berkaitan Penggunaan Shopee Pay Later Retrieved on April 17, 2023, from [https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5049-irsyad-al-fatwa-siri-ke-638-isu-syariah-berkaitan-penggunaan-shopee-pay-later#\\_ftn8](https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5049-irsyad-al-fatwa-siri-ke-638-isu-syariah-berkaitan-penggunaan-shopee-pay-later#_ftn8)
- Abas, A.M., & Yahaya, M. Z. (2023). Shopee PayLater Malaysia Payment Method in Terms of Shariah Rulings. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(4), 603–614. Retrieved on June 14, 2023, from [https://www.researchgate.net/publication/370029113\\_Shopee\\_PayLater\\_Malaysia\\_Payment\\_Method\\_in\\_Terms\\_of\\_Shariah\\_Rulings](https://www.researchgate.net/publication/370029113_Shopee_PayLater_Malaysia_Payment_Method_in_Terms_of_Shariah_Rulings)
- Aishath Muneeza, Nur Adibah Zainudin, Ruqayyah Ali, Siti Nadzirah Ibrahim & Zakariya Mustapha. 2019. *Application Ta'widh and Gharamah in Islamic Banking in Malaysia*. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research. Vol. 16. No. 1. Pp. 1-16.
- Al-Bakri, Zulkifil. (2023). #1775: Pembiayaan Peribadi Islamik Berdasarkan Kaedah al-'Inah. Diakses pada 22 Julai 2023. Link: <https://maktabahalbakri.com/1775-pembiayaan-peribadi-islamik-berdasarkan-kaedah-al-inah/>
- Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad. 1997. *al-Wajiz fi Fiqh Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. al-Qahirah : Matba'ah al-Adab.
- Al-Kasani, 'Ala' al-Din, Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad. 1986. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Beyrut: Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2015. *Fatwa Kontemporari Siri 3 : Hubungan Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House.
- Al-Rifa'i, Hasan Muhammad. 2010. *Badail Mu'addil al-Faidah Fi al-Iqtisad al-Islami Wa Dauruha Fi Idarah al-Azmah al-Iqtisadiyyah al-'Alamiyyah*. Tp.
- Anon. (2021). Hukum pay later dalam Fiqh Muamalah. Retrieved on June 15, 2023, from [https://www.kompasiana.com/salsabilasahara6659/60d33ac0bb448670ed140892/qa\\_rdh-hukum-paylater-dalam-kajian-fiqh-muamalah](https://www.kompasiana.com/salsabilasahara6659/60d33ac0bb448670ed140892/qa_rdh-hukum-paylater-dalam-kajian-fiqh-muamalah)
- Azman Mohd Nor & Muhammad Nasir Haron. 2016. *A Framework for Determination of Actual Cost in Islamic Finance Products*. Journal of Islamic Finance. Vol. 5. No. 2. Pp. 37-52
- Bank Negara Malaysia. 2010. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (1997 - 2009)*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

- 
- Fatimah. (2021). Tinjauan Fatwa DSN-MUI no. 117/DSN-MUI/II/2018 terhadap praktik pembayaran produk secara kredit menggunakan fitur pembayaran shopee paylater pada aplikasi shopee. Master thesis. Fakultas Syari'ah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung.
- Ibn Ashur, Muhammad al-Tohir bin Ashur. (2011). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Kaherah : Dar al-Kutub al-Masriy.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad, °Abd Allah ibn Ahmad ibn Muhammad. 1981. *al-Mughni*. Riyad : Maktabah al-Riyad al-Hadithah.
- Ibn Rushd, Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad. 2004. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beyrut: Dar al-Kutb al-°Ilmiyyah.
- Jimmy Daniel Aprianto & Baruna Hadibrata. (2023). The Effect of Benefits, Convenience, Risk, Income on Purchase Decisions Using Shopee Paylater. *Dinasti International Journal of Management Science*, 4(4), 793-802. Retrieved on June 15, 2023, from <https://www.dinastipub.org/DIJMS/article/download/1658/1204>
- Maznah Ali & Nurul Ain Othman. (2010). Bai' Bithaman Ajil Yang Dilaksanakan Di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. Diakses pada 22 Julai 2023. Link : <http://eprints.utm.my/id/eprint/10575/>
- Monica. (2019). Analisis Hukum Islam Terhadap Pinjaman Uang Elektronik Shopee Pay Later Pada E-commerce. *Master Thesis*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya
- Nada Syifa' & Syahrul Amsari. (2023). Analisa Penggunaan Shopee Paylater dalam Perspektif Fiqih Muamalah Pada Mahasiswa Manejmn Bisnis Syariah FAI UMSU. *Al-Muaddib: Jurnal Ilmu-ilmu Sosial dan Keislaman*. Vo. 8. No. 1 (2023): 79-93.
- Rahayu, T. (2021). Analisis Akad Jual Beli E-commerce Shopee Pay Later Dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Iqtishodiah: Jurnal Ekonomi Dan Perbankan Syariah*, 3(2), 1–15. Retrieved on June 15, 2023, from <https://ejournal.ibntegal.ac.id/index.php/iqtishodiah/article/view/134>
- Rifa'i, M., Alabror, D., & Agustim, W. (2022). PERCEPTIONS OF EASY OF USE, BENEFITS, AND RISKS OF THEIR EFFECT ON INTEREST IN SHOPEE PAYLATER USING THE SHOPEE MARKETPLACE AS A MEDIATION VARIABLE. *Jurnal Ekonomi*, 11(01), 400-411. Retrieved on June 15, 2023, from <http://ejournal.seaninstitute.or.id/index.php/Ekonomi/article/download/265/231>
- Sofian Syaiful Rizal. (2023). BUYING AND SELLING TRANSACTIONS WITH SHOPEE PAYLATER PERSPECTIVE OF SHARIA ECONOMIC LAW. In International Conference on Humanity Education and Society (ICHES) (Vol. 2, No. 1). Retrieved on June 15, 2023, from <http://proceedingsiches.com/index.php/ojs/article/download/13/12>
- Shopee Malaysia. (2022a). [SPayLater] Is SPayLater Shariah Compliant?. Diakses pada 22 Julai 2023. [https://help.shopee.com.my/portal/article/92306-\[SPayLater\]-Is-SPayLater-Shariah-Compliant?previousPage=related%20articles](https://help.shopee.com.my/portal/article/92306-[SPayLater]-Is-SPayLater-Shariah-Compliant?previousPage=related%20articles)
- Shopee Malaysia. (2022b). SPayLater Term of Service. Diakses pada 22 Julai 2023. Link: <https://help.shopee.com.my/portal/article/77231?previousPage=other%20articles>
- Utami. (2021). Praktek Kredit Barang Melalui Shopee Paylater dari Marketplace Shopee Berdasarkan Hukum Ekonomi Islam dan Kitab Undang-undang Hukum Perdata. *Master Thesis*. Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara Medan
-